

## Thailand tutup pintu sempadan berkuat kuasa kelmarin

**ALOR SETAR** - Kerajaan Thailand menutup semua sembilan pintu sempadan darat dan air di antara Thailand-Malaysia berkuat kuasa kelmarin sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan nanti.

Menurut kenyataan Duta Besar Thailand ke Malaysia kepada Setiausaha Bahagian, Bahagian Asia Tenggara Wisma Putra, penutupan pintu sempadan terbabit dilaksanakan di semua pintu sempadan Thailand dengan negara jiran iaitu Malaysia, Laos, Kemboja dan Myanmar.

“Rakyat Thailand di Malaysia yang ingin pulang ke negara terse-

but hanya dibenarkan menggunakan laluan udara.

“Rakyat Malaysia yang ingin pulang ke negara asal juga hanya dibenarkan menggunakan laluan udara,” katanya.

Beliau berkata, bagi pergerakan barang-barang pula, hanya satu pintu sempadan darat atau air di setiap wilayah bersempadan dengan Malaysia akan dibuka iaitu Wilayah Songkhla: Pintu Sempadan Sadao-Bukit Kayu Hitam (Kedah); Wilayah Narathiwat: Pintu Sempadan Sungai Golok-Rantau Panjang (Kelantan); Wilayah Satun: Pintu Sempadan Wang Prachan-Wang Kelian (Perlis); Wilayah

Satun: Jeti Thammalang-Jeti Kuala Perlis (Perlis) dan Wilayah Yala: Pintu Sempadan Betong-Pengkalan Hulu (Perak).

Sementara itu, Pengarah Imigresen Kedah, Zuhair Jamaludin ketika dihubungi berkata, Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) di Bukit Kayu Hitam dan Durian Burung ditutup sepenuhnya mulai jam 6 pagi semalam.

Beliau berkata, laluan berkenaan ditutup kepada semua kenderaan kecuali kenderaan perdagangan yang membawa barangan keperluan.